



# KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## JELAJAH BMS 2023 DI JOHOR, PLATFORM SEBAR KELEBIHAN SIMPAN SSPN

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 membawa kelainan dari tahun sebelumnya apabila buat julung kalinya dilaksanakan menerusi konsep jelajah (*road tour*) merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia sepanjang bulan Oktober 2023 iaitu bermula 1 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023. Pada hari ini, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melancarkan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Selatan bersempena dengan Sambutan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.
2. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN bertempat di Concourse, Aras 2, Angsana Mall, Johor Bahru Johor. Turut hadir Encik Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, Puan Mazni Ruslan, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Johor dan Pengurusan PTPTN. Selain negeri Johor, BMS 2023 Zon Selatan, turut diadakan serentak di dua (2) lokasi lain iaitu di Aeon Bandaraya Melaka dan Mydin Mall Seremban 2, Negeri Sembilan.
3. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan program *signature* PTPTN dalam memartabatkan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia. BMS 2023 bertemakan “Robotik : Ke arah Transformasi Dunia Pendigitalan” dengan mengekalkan *tagline* Jom Jadi Superhero Anak Anda. Konsep ini amat signifikan kerana sains dan teknologi robot berkait rapat dengan kemajuan dan memerlukan pengetahuan tentang teknologi terkini. Ini selari dengan agenda pendigitalan PTPTN yang memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan aplikasi myPTPTN kepada para peminjam dan pendeposit Simpan SSPN untuk urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

4. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya Pertandingan Mewarna Simpan SSPN, Simpan SSPN *Got Talent*, Rekacipta Model Robotik dan Family Jenga. Bagi memeriahkan lagi BMS 2023, Cabutan BMS 2023 diteruskan pada tahun ini dengan hadiah wang tunai berjumlah RM75,000 kepada seramai 66 pemenang. Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN 2023 Peringkat Zon Selatan yang dilancarkan hari ini membuktikan komitmen PTPTN dalam menyebarluaskan manfaat dan keistimewaan Simpan SSPN kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, khususnya di Zon Selatan.
5. YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, "Sehingga 31 Ogos 2023, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM15.81 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 6.04 juta akaun. Manakala di negeri Johor, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM1.39 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 670,041. Prestasi ini membuktikan Simpan SSPN terus cemerlang sebagai produk simpanan terbaik pilihan ibu bapa."
6. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan. Pelbagai kempen dan promosi turut dipergiat bagi menyemarakkan lagi amalan penabungan antaranya dengan mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023.
7. PTPTN akan terus komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai 'Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara'. Untuk maklumat lanjut berkenaan BMS 2023, layari [www.ptptn.gov.my/BMS2023](http://www.ptptn.gov.my/BMS2023).

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**16 Oktober 2023**